



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10 Jld.5  
Tarikh : 29 Januari 2021

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah

YBhg Datuk/Tuan/Puan,

### PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 6 TAHUN 2021 PEMBAYARAN YANG MEMERLUKAN KEBENARAN KHAS DIBAWAH A.P58(a)

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat pekeliling ini dikeluarkan kepada semua Pegawai Pengawal agar mengambil perhatian yang serius terhadap semua pembayaran yang memerlukan kebenaran khas dibawah A.P58(a).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 A.P 58(a) adalah peruntukan di bawah Arahan Perbendaharaan yang membolehkan Kementerian/Jabatan membayar baucar-baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan dengan pertanggung-pertanggung yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama dengan menggunakan peruntukan tahun semasa.
- 2.2 Diperhatikan masih terdapat permohonan pembayaran di bawah A.P 58(a) yang diserahkan kepada Jabatan Bendahari Negeri Sabah di mana **permohonan pembayaran tersebut adalah untuk perbelanjaan-perbelanjaan bukan di dalam tahun kewangan 2020**. Sehubungan dengan ini, Jabatan Bendahari Negeri Sabah telah mengambil langkah proaktif untuk menangani isu tersebut demi meningkatkan sistem penyampaian kerajaan.

**“SABAH MAJU JAYA”**



### **3.0 SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN DI BAWAH A.P 58(a)**

Sesuai perbelanjaan pada tahun kewangan 2020 hanya akan diberikan kebenaran-khas untuk dibayar menggunakan peruntukan kewangan tahun semasa dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1 Baki peruntukan untuk tahun perbelanjaan dikenakan/pertanggung adalah mencukupi;
- 3.2 Hendaklah terdiri daripada **perbelanjaan mengurus sahaja**;
- 3.3 Permohonon pembayaran dibawah A.P 58(a) hanya dibenarkan untuk perbelanjaan/pertanggung bagi **bulan Januari sehingga Disember untuk tahun kewangan 2020 sahaja**;
- 3.4 Kelulusan Kebenaran Khas A.P 58(a) bagi **tuntutan elaun perjalanan pegawai awam hanya diberikan untuk perjalanan yang dilakukan pada bulan Disember 2020 sahaja**.

Sehubungan dengan ini, para 3.3, pekeliling Jabatan Bendahari Sabah Bilangan 8/2016 bertarikh 28 Julai 2016 diubahsuai bagi memenuhi kehendak perenggan ini.

### **4.0 LANGKAH-LANGKAH MENGELAKKAN BAYARAN DI BAWAH A.P58 (a)**

- 4.1 Kementerian hendaklah mematuhi peruntukan dibawah A.P 99, A.P 101 dan A.P 102 semasa menyediakan baucar-baucar bayaran bagi memastikan semua dokumen sokongan adalah lengkap serta teratur untuk mengelakkan teguran/kuiri.
- 4.2 Pematuhan kepada A.P 100 dan A.P 103 perlu diberi perhatian yang lebih serius.
- 4.3 Mematuhi Peruntukan di bawah A.P 103(b) dengan menyenggara sebuah Daftar Bil yang lengkap.
- 4.4 Mengambil perhatian ke atas pekeliling Penutupan Akaun Tahunan daripada Jabatan Bendahari Negeri Sabah yang di keluarkan pada setiap tahun.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## 5.0 PENGUATKUASAAN

- 5.1 Bermula dari pengeluaran pekeliling ini, Jabatan Bendahari Negeri Sabah hanya akan memproses permohonan di bawah A.P 58(a) bagi perbelanjaan mengurus yang dilakukan dalam bulan Januari sehingga Disember tahun kewangan 2020 sahaja.
- 5.2 Tarikh akhir penerimaan permohonan bayaran di bawah A.P 58(a) adalah pada **31 MAC 2021**.

## 6.0 PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan Pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Ketua Penolong Bendahari Negeri (Bahagian Operasi Pusat) melalui nombor telefon 088-368417 atau Akauntan Seksyen Penyemakan Baucar melalui nombor telefon 088-368488 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATIN MARY ANGELA SIPAUN CA(M), FCPA(A), Asean CPA)**  
**Bendahari Negeri**

s.k. Setiausaha Tetap,  
Kementerian Kewangan,  
Aras 6, Blok C,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
**88400 KOTA KINABALU**

“ Pengarah Audit Negeri Sabah,  
Jabatan Audit Negara,  
Cawangan Negeri Sabah,  
Aras 4, Blok A,  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**88450 KOTA KINABALU**

**“SABAH MAJU JAYA”**

s.k. Pengarah,  
Jabatan Kerja Raya,  
Jalan Sembulan ,  
Peti Surat 128,  
**88592 KOTA KINABALU.**  
(u.p.: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

“ Pengarah,  
Jabatan Pertanian,  
Wisma Pertanian, Jalan Tasik,  
Beg Berkunci 2050,  
**88632 KOTA KINABALU**  
(u.p.: Ketua Akauntan)

“ Ketua Konservator Hutan,  
Jabatan Perhutanan,  
Beg Berkunci 68,  
**90009 SANDAKAN**  
(u.p.: Ketua Akauntan)

“ Pengarah,  
Jabatan Tanah dan Ukur,  
Beg Berkunci 2044,  
**88576 KOTA KINABALU**  
(u.p.: Ketua Akauntan)

**“SABAH MAJU JAYA”**